

U 8747 DEB
MAHATHIR - RAZALEIGH @ @ @

KOTA BAHARU, 3 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD PETANG INI BERKATA BELIAU BERSEDIA MENEMUI MANA-MANA ANGGOTA UMNO TERMASUK TENGKU RAZALEIGH HAMZAH SEKALI LAGI UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH PARTI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TIDAKLAH MENJADI MASALAH BAGINYA JIKA BEKAS MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN ITU MAHU MENEMUI BELIAU.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI SINI PETANG INI SELEPAS MELAWAT KELANTAN SELAMA DUA HARI.

MENJAWAB SOALAN PEMBERITA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MENGETAHUI SAMA ADA TENGKU RAZALEIGH KURANG BERPUAS HATI DENGAN PERTEMUAN SEBANYAK DUA KALI YANG MEREKA HADIRI SEMASA LAWATAN BELIAU ITU.

APABILA DIBERITAHU BAHAWA SESETENGAH PIHAK BERPENDAPAT BAHAWA TENGKU RAZALEIGH MASIH KURANG BERPUAS HATI DENGAN PERTEMUAN-PERTEMUAN ITU KERANA BERANGGAPAN IA BUKAN MERUPAKAN SATU FORUM YANG SESUAI, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MEMBUAT ULASAN TENTANG ITU.

BAGAIMANAPUN KATANYA, BELIAU MENYAMBUK BAIK PANDANGAN TENGKU RAZALEIGH YANG BELIAU BERSEDIA MENEMUI PERDANA MENTERI SEKALI LAGI.

-- LAGI.
1814MST 03 10 87

U 8750 DEB
MAHATHIR - RAZALEIGH 2 KOTA BAHARU @ @ @

PADA AWAL PERSIDANGAN AKHBAR ITU DATUK SERI DR MAHATHIR MENGESAHKAN BAHAWA TENGKU RAZALEIGH MENGHADIRI KEDUA-DUA PERJUMPAAN YANG DIADAKAN ANTARA BELIAU DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO SEMUA BAHAGIAN DI KELANTAN DAN BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI SEMALAM.

BELIAU BERKATA TENGKU RAZALEIGH MENGHADIRI MAJLIS ITU ATAS SIFATNYA SEBAGAI KETUA UMNO BAHAGIAN GUA MUSANG DAN SAMA-SAMA BERBINCANG MENGENAI BEBERAPA PERKARA.

+KAMI BERBINCANG BERSAMA DALAM DUA MAJLIS ITU, IAITU PERJUMPAAN DENGAN ANGGOTA PARTI PERINGKAT BAHAGIAN DAN SELEPAS MAJLIS MAKAN MALAM, PERJUMPAAN DENGAN BADAN PERHUBUNGAN NEGERI KELANTAN, TENGKU RAZALEIGH PUN HADIR JUGA.+

KATANYA PERBINCANGAN ITU MENYENTUH BEBERAPA PERKARA TERMASUK MASALAH NEGARA DAN TENGKU RAZALEIGH JUGA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERBINCANGAN ITU.

KETIKA PEMBERITA MENGEMUKAKAN PANDANGAN TENGKU RAZALEIGH BAHAWA ANGGOTA PARTI YANG BERKEPOLEHAN HENDAKLAH DIAMBIL SEMULA UNTUK MEMBANTU MENJAYAKAN PERJUANGAN PARTI DAN KERAJAAN KHUSUSNYA DALAM MENJAYAKAN CITA-CITA DASAR EKONOMI BARU, PERDANA MENTERI BERKATA:

+KITA MEMERLUKAN PERTOLONGAN SEMUA PIHAK, JIKA SATU PIHAK SAJA TAK BOLEH JADI.+ -- LAGI.

1822MST 03 10 87

U B753 DEB
MAHATHIR - RAZALEIGH 3 KOTA BAHARU R R R

MENGENAI JAWATANKUASA KHAS YANG DIBENTUK OLEH MAJLIS TERTINGGI UMNO UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH SAMAN OLEH 12 ANGGOTA TERHADAP PARTI ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU DIBERITAHU YANG JAWATANKUASA ITU SUDAH MENGADAKAN MESYUARAT PERTAMANYA BARU-BARU INI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, BELIAU BELUM LAGI MEMPEROLEHI BUTIR-BUTIR LANJUT MENGENAINYA.

SEMENTARA ITU, DALAM PERTEMUAN DENGAN PEMBERITA DI KEDIAMANNYA DI PALM MANOR DI SINI, TENGGU RAZALEIGH BERKATA BUKAN MENJADI SATU MASALAH UNTUK MENYATUPADUKAN ANGGOTA UMNO BAGI KEPENTINGAN BERSAMA SEKIRANYA SEMUA PIHAK BENAR-BENAR JUJUR DAN ADIL DALAM MENGENDALIKAN GOAL-SOAL PARTI.

BELIAU SEKALI LAGI MENEGASKAN JIKA ADA UNSUR-UNSUR DISKRIMINASI DAN PENGANIAYAAN TERHADAP MANA-MANA PIHAK, IA PERLU DIBERHENTIKAN.

BELIAU PERCAYA UMNO AKAN MENJADI KUKUH DAN ANGGOTANYA BERSATU JIKA SEMUA PIHAK BERUSAHA KE ARAH SATU MATLAMAT PERJUANGAN PARTI DAN HAKIKAT INI TIDAK DAPAT DINAFIKAN LAGI.

+JIKA ADA TANDA-TANDA KERETAKAN, INI HANYALAH MASALAH PERBEZAAN PANDANGAN.+ -- LAGI.

1833MST 03 10 87

0266

U B754 DEB
MAHATHIR - RAZALEIGH 4 KOTA BAHARU R R R

TENGGU RAZALEIGH BERHARAP SEMUA PIHAK BEKERJASAMA DAN MEMBERI SOKONGAN UNTUK MENCAPAI CITA-CITA PARTI YANG MEMPERJUANGKAN KEADILAN DALAM PEMBAGIHAN KEKAYAAN MELALUI PELAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU BERHARAP MANA-MANA ANGGOTA PARTI YANG BERKEBOLEHAN HENDAKLAH DIBAWA SEMULA KE PANGKUAN PARTI UNTUK MEMBANTU MENJAYAKAN MATLAMAT DEB YANG DIPERJUANGKAN OLEH KERAJAAN DAN PARTI.

BELIAU BERKATA BELIAU BERSEEDIA UNTUK MENEMUI PERDANA MENTERI UNTUK MENGUKUHKAN KERJASAMA DAN MENOLONG SETAKAT YANG MAMPU DENGAN HARAPAN SEMUA PENYOKONGNYA DIBAWA SEMULA UNTUK SAMA-SAMA MEMIKUL TANGGUNGJAWA DAN MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN. -- BERNAMA.

1834MST 03 10 87